



## KENYATAAN MEDIA

### **PENUNDAAN TARIKH SABAH INTERNATIONAL BLUE ECONOMY CONFERENCE 2024 (SIBEC 2024)**

**KOTA KINABALU, 7 Ogos 2024** - Sabah International Blue Economy Conference 2024 (SIBEC 2024) yang sepatutnya diadakan 2 hingga 4 September 2024 ditunda kepada **19 hingga 20 Oktober 2024**. SIBEC 2024 akan diadakan selama dua (2) hari iaitu pada hari Sabtu dan Ahad. Majlis Perasmian SIBEC 2024 akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Anwar Ibrahim Perdana Menteri Malaysia pada 19 Oktober 2024.

Antara pengisian SIBEC 2024 adalah *investor insight*, sidang plenary, forum interaktif dan sesi khas *ambassador talks* dengan melibatkan Duta-Duta dan Pesuruhjaya Tinggi negara asing untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan dan kejayaan berasaskan ekonomi biru dinegara masing-masing. Seramai 29 speaker dan panel forum dari dalam dan luar negara yang terdiri dari pemain industri, pengamal ekonomi biru, ahli akademik terlibat semasa SIBEC 2024. SIBEC 2024 dijangka dihadiri oleh 2,000 peserta dari dalam dan luar negara.

Selain itu, semasa SIBEC 2024 juga di adakan pavilion yang mempamerkan inisiatif, teknologi terkini, inovasi setiap sektor atau komponen Ekonomi Biru dari dalam dan luar negara. Maklumat lanjut mengenai SIBEC 2024 boleh diperolehi melalui portal <https://blueeconomy.sabah.gov.my/> / *SIBEC 2024*.

Sekian dan terima kasih.

**SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA,  
JABATAN KETUA MENTERI**

**“SABAH MAJU JAYA”**